

Skuad Khas Harian Metro
setempat@metroj.com.my



METRO AHAD

METRO AHAD



“Sebaik menerima dokumen import dari wakil atau ejen pengimport, pegawai kita akan menjalankan verifikasi makluman konseimen seperti nombor palet, bilangan ternakan dan spesies

Dr Mohd Syauwan Abd Jalil

06.11.2016

LEMBU NAIK PESAWAT AIRBUS

■ Pengimport turut pilih pengangkutan udara untuk bawa masuk haiwan ternakan



“

Mungkin ramai yang tidak tahu namun kebanyakannya binatang ruminan akan dibawa melalui udara ke negara ini terutamanya membabitkan beberapa negara seperti Australia dan New Zealand”

Mokhtarud-din

Bukan hanya manusia malah binatang ternakan seperti lembu dan kambing pun naik pesawat Airbus 330-200.

Istihab pengangkutan digunakan pengimpor haiwan ternakan untuk membawa masuk pelbagai binatang ruminan seperti lembu, kambing, biri-biri dan unta dari negara-hair seperti Australia dan New Zealand selain mengeluarkan lajuan laut dan jalan darat.

Ketua Pengurusan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)-Mokhtarud din Husain membenarkan Metro Ahad, selain lajuan laut dan darat, binatang ternakan seperti lembu, unta, Samson dan biri-biri turut dibawa masuk ke negara ini melalui udara.

“Mungkin ramai yang tidak tahu namun kebanyakannya binatang ruminan akan dibawa melalui udara ke negara ini terutamanya membabitkan beberapa negara seperti Australia dan New Zealand,” katanya kerana diemua di Animal Hotel di bahagian Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini.

Menurutnya, ada beberapa lajuan sah digunakan pengimpor untuk membawa masuk ke dalam berkenaan ke negara ini.

“Antaranya lajuan udara di KLIA, pelabuhan seperi di Klang dan Johor, lajuan darai di sempadan utara negara iaitu di Padang Besar, Perlis, Bukit Kayu Hitam, Kedah dan Rantau Panjang, Kelantan,” katanya menegaskan bahawa pintu masuk berkenaan sah lajuan sah untuk membawa masuk (import) binatang ruminan dari negara luar.

Ditanya kerana Australia menjadi pilihan pengimpor tempatan, Mokhtarud din berkata, ia adalah kerana negara berkenaan betab daripada sebarang wabak atau penyakit.

“Proses pengangkutan binatang seperti lembu, biri-biri mahupun kambing di Australia con-tohnya, memang cukup terjaga dan menepati plawalan ditetapkan MAQIS.

“Namun, bagi negara lain seperti Thailand, pengimpor perlu melalui prosedur tertentu termasuk proses kuarantin selama 14 hari,” katanya.

Sementara itu, Penguruh MAQIS Selangor Dr Mohd Syauwan Abd Jalil ketika diminta memperincikan prosedur pemeriksaan import ternakan ruminan melalui kargo udara di KLIA berkata, setiap ternakan yang tiba di kawasan Animal Hotel akan melalui pemeriksaan ketat sebelum pelepasan berikan ke pengimpor.

“Sebaik menerima dokumen import dari wakil atau ejen pengimport, pegawai kita akan menjalankan verifikasi makluman konseimen seperti nombor palet, bilangan ternakan dan spesies

“Kita (MAQIS) juga memerlukan Wooden Crates (kotak kayu) dan pastikannya memenuhi plawalan antarabangsa ISPM 15.”

“Seterusnya ternakan yang dipindahkan ke dalam lor akan menjalani pemeriksaan fizikal,” katanya.

Katanya, wakil pengimpor perlu membuat pengisytiharan dokumen di pejabat MAQIS dan pihaknya akan melakukan pemeriksaan (tdokumentasi) lanjut antaranya seperti permit import, sijil kesihatan dan lain-lain.

Selepas semua proses berkenaan selesai, proses pelepasan melalui sistem MAQIS akan dilakukan sebelum kita memasang tanda di lor yang membawa ternakan berkenaan.

“Pengimpor yang memenuhi semua proses berkenaan akan diberikan pelepasan untuk membawa ternakan keluar dan pintu impor Kawasan Bebas Cukai (FCZ) KLIA,” katanya.

Animal Hotel beroperasi 24 jam sehari

■ Sepong: Animal Hotel mengendalikan sekurang-kurangnya 500 konsalten ataupun penghantaran membabitkan binatang ruminan dalam tempoh sebulan

Pengurus Besar Operasi Kargo Mas-Maskargo Jamaludin Ismail berkata, pihaknya menyediakan perkhidmatan berkenaan setiap hari.

“Kita kerja 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu bagi memenuhi kehendak dan permintaan pelanggan,” katanya kepada Metro Ahad, di perkarangan Animal Hotel di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini.

Diminta menerangkan proses yang dilakukan pihaknya membabitkan binatang ternakan yang baru tiba di KLIA dengan menaiki pesawat Airbus 330-200 dari Australia itu, Jamaludin berkata, pihaknya akan mengeluarkan binatang berkenaan daripada pe-



sawat

“Pesawat ini membawa kira-kira 1,000 kambing serta biri-biri, 20 limbu dan 14 unta dari Australia.”

“Proses Operasi Standard (SOP)

■ Sepong: Kebanyakan pengimpor binatang ternakan lebih memilih mengimpor haiwan seperti lembu dan kambing dari Australia kerana bebas penyakit

Perkara itu turut diakui Pengurus Permasaran Pelorus Harris Luqman Group Sdn Bhd, Rabiatul Mohamad yang berkata, pihaknya sering mengimpor ternakan dari negara lain seperti Myanmar.

“Binatang yang dibawa masuk dari negara itu perlu menjalani proses tertentu termasuk kuarantin selama 14 hari. Bagi ternakan ataupun haiwan dari Australia pula tidak perlu.

“Ada pro dan kontra ny tentang mengimpor ternakan daripada dua negara terbabit. Namun, kami lebih gemar membawa masuk ternakan dari Australia yang diyakini dan bebas daripada sebarang penyakit,” katanya.

“Jadi, ternakan ataupun daging serta susu yang diagihkan untuk pasaran adalah yang terbaik,” katanya memeritih syaratnya sudah lima tahun terabit pada lam kegiatan im-

port binatang ruminan.

Rabiatul yang ditemui Metro Ahad di perkarangan Animal Hotel di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini berkata dia juga mempunyai pengalaman mengimpor ternakan daripada negara lain seperti Myanmar.

“Binatang yang dibawa masuk dari negara lain perlu menjalani proses tertentu termasuk kuarantin selama 14 hari. Bagi ternakan ataupun haiwan dari Australia pula tidak perlu.

“Ada pro dan kontra ny tentang mengimpor ternakan daripada dua negara terbabit. Namun, kami lebih gemar membawa masuk ternakan dari Australia yang diyakini dan bebas daripada sebarang penyakit,” katanya.

FAKTA

Australia menjadi pilihan pengimpor tempatan kerana negara berkenaan bebas daripada sebarang wabak atau penyakit

FAKTA

Ternakan daripada seperti Thailand perlu melalui prosedur tertentu termasuk proses kuarantin selama 14 hari



PESAWAT kargo membawa haiwan yang dimport

RAMP TURN AROUND COORDINATOR